

Soalan 1 hingga soalan 20

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang **paling sesuai**.

1. Encik Riduan seorang usahawan. _____ sudah beristeri dan mempunyai lima orang cahaya mata.
 - A. Beliau
 - B. Kita
 - C. Dia
 - D. Mereka

2. Kerja-kerja _____ parit di kawasan taman perumahan itu perlu untuk mengelak daripada berlakunya banjir kilat.
 - A. memperkecil
 - B. memperdalamkan
 - C. mempertinggi
 - D. memperdalam

Soalan 3 berdasarkan Gambar 1



Gambar 1


3. Wajah Maniam _____ dan kelihatan lesu kerana mengalami kecederaan teruk pada kakinya.
 - A. lemah
 - B. muram
 - C. pucat
 - D. sayu

4. Mak Cik Milah sedang _____ barang-barang tembaga yang kelihatan sudah kusam di dalam almari pakaiannya.
 - A. menggilap
 - B. menggelap
 - C. membersihkan
 - D. mencuci

[Lihat halaman sebelah]

5. Rumah bango itu tidak kelihatan disebabkan kedudukannya di _____ bangunan tinggi itu.
- A. antara
 - B. belakang
 - C. hadapan
 - D. tepi

Soalan 6 berdasarkan Gambar 2



Gambar 2

6. Walaupun badan anaknya _____ dan agak berisi namun dia seorang yang aktif.
- A. kecil
 - B. berat
 - C. sihat
 - D. gempal
7. Azman tetap datang ke sekolah _____ hujan lebat.
- A. sungguhpun
 - B. apabila
 - C. jikalau
 - D. jika

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 8 berdasarkan Gambar 3



Gambar 3

8. Sempena jualan murah musim perayaan ramai pengunjung yang datang untuk _____ di pasar ikan itu.
- A. bergolok - gadai
 - B. bertegur- sapa
 - C. bersuka -ria
 - D. tawar - menawar
9. _____ kaki adik berdarah kerana terpijak serpihan kaca di atas lantai.
- A. Telapak
 - B. Telunjuk
 - C. Sesiku
 - D. Kekuda

Soalan 10 berdasarkan Gambar 4



Gambar 4

10. Pembinaan balai raya yang _____ di kampung itu akan mengambil masa lama untuk disiapkan.
- A. panjang
 - B. lebar
 - C. besar
 - D. tinggi

[Lihat halaman sebelah]

11. Setiap hari Isnin perhimpunan mingguan akan diadakan _____ dewan besar sekolah.
- A. di
 - B. ke
 - C. pada
 - D. bagi
12. Semua murid Tahun Enam Teratai akan mengikuti perkhemahan Unit Beruniform _____ Amirul _____ Hillary.
- A. kecuali...dan
 - B. kecuali...tetapi
 - C. melainkan...tetapi
 - D. melainkan ...malahan

Soalan 13 berdasarkan Gambar 5



Gambar 5

13. Pisang goreng Mak Long amat digemari oleh penduduk Kampung Sentosa kerana _____ rasanya.
- A. keenakan
 - B. keharuman
 - C. kemanisan
 - D. kerangupan
14. Hasyimah akan menjaga keluarganya _____ hayat dikandung badan.
- A. hingga
 - B. selagi
 - C. meskipun
 - D. andai kata

[Lihat halaman sebelah]

15. _____ faham antara dua beradik itu telah berlarutan sekian lama sehingga mencetuskan pergaduhan.
- A. Perselisihan
 - B. Pertengkaran
 - C. Perdebatan
 - D. Permusuhan

Soalan 16 berdasarkan Gambar 6




Gambar 6

16. Adik sedang mengutip beberapa _____ bola takraw yang bertaburan di halaman rumahnya.
- A. biji
 - B. kaki
 - C. buah
 - D. keping
17. Hani hanya akan membuat kerja sekolah apabila disuruh oleh ibunya. Pernyataan di atas sesuai dengan peribahasa berikut.
- A. bagai pahat dengan penukul
 - B. bagai tikus membaiki labu
 - C. bagai melepaskan batuk di tangga
 - D. seperti kerbau dicucuk hidung
18. Bola pingpong yang dipukul oleh murid itu _____ apabila terkena tembok.
- A. membelok
 - B. melantun
 - C. menganjal
 - D. melencong

[Lihat halaman sebelah]

19. Kanak-kanak _____ mudah terpengaruh oleh iklan makanan segera yang disiarkan di kaca televisyen.
- A. betul
 - B. sekali
 - C. benar
 - D. sangat

Soalan 20 berdasarkan Gambar 7



Gambar 7

20. Perkataan **berlawanan** yang sesuai dengan keadaan jalan dalam gambar yang diberi ialah
- A. bengkok
 - B. lurus
 - C. tegak
 - D. rata

Pilih jawapan yang betul berdasarkan soalan di bawah.

21. Mengapakah kanak-kanak suka makan coklat dan aiskrim?
- A Kanak-kanak memang suka makan coklat dan aiskrim.
 - B Coklat dan ais krim banyak dibeli oleh kanak-kanak.
 - C Ya, kanak-kanak suka makan coklat dan aiskrim.
 - D Kanak-kanak suka makan coklat dan aiskrim kerana rasanya manis.

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 22 berdasarkan Gambar 8



Gambar 8

“Maaf encik, harga sebungkus bawang ini dijual dengan harga tetap”.

22. Pilih soalan yang paling sesuai bagi jawapan yang diberikan.
- A. Mengapakah harganya mahal sangat?
 - B. Adakah harga sebungkus bawang ini tetap?
 - C. Berapakah harga sebungkus bawang ini?
 - D. Bolehkah harga sebungkus bawang ini dikurangkan?
23. Pilih ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.
- A. Mereka adalah murid tahun enam sekolah kami.
 - B. Adalah diberitahu sekolah akan mengadakan gotong-royong pada hari Sabtu ini.
 - C. Lelaki itu adalah bukan guru besar sekolah kami.
 - D. Puan Ana adalah guru bahasa Melayu di sekolah kami.

Pilih ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

24. I. Suara guru itu sangat kuat semasa mengajar dalam kelas.
II. Walaupun nenek sudah lanjut usia, namun dia masih kuat bekerja.
III. Golongan tua masih berpegang kuat kepada adat.
IV. Abang kuat belajar kerana peperiksaan hampir menjelang.
- A. I dan II sahaja
 - B. I, II dan III sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV sahaja

[Lihat halaman sebelah]

Pilih ayat yang betul.

25. A. Adik telekung berwarna ungu ke perpustakaan.
B. Rajah gambar yang dilukis oleh pelukis grafik itu sangat kemas.
C. Nadia telah membuat janji temu untuk berjumpa dengan doktor gigi.
D. Batik Malaysia memang terkenal di peringkat antarabangsa.

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberi.

26. Lampu isyarat di simpang jalan itu tidak berfungsi sejak semalam.
A. Semalam lampu isyarat rosak di simpang jalan itu.
B. Sejak semalam lampu isyarat sudah rosak di simpang jalan itu.
C. Sejak semalam lampu isyarat di simpang jalan itu sudah rosak.
D. Rosak sungguh lampu isyarat di simpang jalan itu sejak semalam.

Soalan 27 dan Soalan 28

Pilih ayat yang betul.

27. I. Murid-murid yang ditempatkan di sini adalah dalam kalangan murid yang tinggi pencapaian akademiknya.
II. Ibu selalu berbual – bual dengan kami sambil duduk di atas pangkin itu.
III. Ibu baharu sahaja bertolak ke Johor sebentar tadi.
IV. Di dalam hal ini kita tidak patut campur tangan.
A. I dan II sahaja
B. II dan III sahaja
C. I, II dan III sahaja
D. II, III dan IV sahaja

[Lihat halaman sebelah]

28. I. Fatimah ialah antara murid yang hadir ke majlis itu.
- II. Pihak sekolah mengadakan lawatan ke rumah anak - anak yatim sambil belajar.
- III. Orang yang dijangkiti wabak selesema burung perlu mendapatkan rawatan segera.
- IV. Menurut laporan kaji cuaca, hujan lebat akan melanda beberapa buah negeri di semenanjung.
- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV
29. A. Aduhai, sakitnya kakiku ini!
- B. Nah, ambil bungkusannya ini!
- C. Aduh, tingginya bangunan ini!
- D. Amboi, kamu berjaya mendapat johan dalam pertandingan syarahan ini!
30. A. Pokok itu tumbang ditiup angin.
- B. Tina memandu kereta di jalanraya.
- C. Berbagai jenis bentuk kereta baharu ada dijual di kedai itu.
- D. Ramai rakan – rakan ke majlis hari jadi rakannya.

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 31 hingga Soalan 35

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Persatuan Bahasa Malaysia,
Sekolah Kebangsaan Keningau,
89007 Keningau,
Sabah.

Encik Zubir Bin Saad,
SK. Tiong Baru,
Membakut,
Sabah.

5 MEI 2011.

Tuan,

Jemputan Menjadi Pengadil Pertandingan Syarahan

Saya selaku Setiausaha Persatuan Bahasa Malaysia Sekolah Kebangsaan Pekan Keningau ingin menjemput tuan menjadi pengadil bagi pertandingan yang disebut di atas.

2. Penyertaan pertandingan ini hanya *terbuka* untuk murid tahap dua sahaja. Tujuan pertandingan ini diadakan adalah untuk memilih wakil sekolah ke pertandingan syarahan antara Sekolah-sekolah Rendah Negeri Sabah.

3. Berikut adalah butir-butir lanjut pertandingan:

- (a) Tarikh : 15 Mei 2011
- (b) Hari : Sabtu
- (c) Tempat : Dewan Sekolah Kebangsaan Pekan Keningau
- (d) Masa : 10.00 pagi
- (e) Jumlah peserta : 16 orang

4. Oleh sebab itu, pihak persatuan sangat berharap agar tuan dapat memberikan jawapan sebelum 10 Mei 2011. Hal ini bagi memudahkan kami mencari pengganti sekiranya tuan menolak tawaran kami

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Fahmi

(AHMAD FAHMI BIN IDRIS)

Setiausaha,
Persatuan Bahasa Malaysia,
Sekolah Kebangsaan Pekan Keningau, Sabah.

[Lihat halaman sebelah]

31. Siapakah yang mengirim surat di atas?
- A. Setiausaha persatuan
 - B. Pengerusi persatuan
 - C. Guru penasihat persatuan
 - D. Guru penolong persatuan
32. Apakah tujuan surat di atas dikirim?
- A. Untuk menjemput Encik Zubir menjadi peserta syarahan.
 - B. Untuk mengundang Encik Zubir menjadi pengadil pertandingan syarahan.
 - C. Untuk meminta kebenaran daripada Encik Zubir untuk mengadakan pertandingan syarahan.
 - D. Untuk meminta Encik Zubir memberikan senarai nama peserta yang akan bertanding.
33. Antara berikut, yang manakah tidak benar tentang pertandingan syarahan yang akan diadakan?
- A. Pertandingan syarahan ini akan diadakan di dewan Sekolah Kebangsaan Pekan Keningau, Keningau.
 - B. Pertandingan syarahan ini akan diadakan pada 15 Mei 2011.
 - C. Encik Zubir merupakan peserta pertandingan syarahan.
 - D. Pemenang pertandingan ini akan mewakili sekolah ke pertandingan syarahan antara Sekolah-sekolah Rendah Negeri Sabah.
34. Mengapakah pengirim berharap Encik Zubir dapat memberikan jawapan sebelum tarikh 10 Mei?
- A. Supaya pertandingan syarahan itu dapat dilaksanakan pada hari yang ditetapkan.
 - B. Supaya bilangan peserta untuk menyertai pertandingan itu mencukupi.
 - C. Supaya pihak pengirim dapat mencari pengganti jika Encik Zubir menolak tawaran itu.
 - D. Supaya pihak pengirim dapat menempah dewan untuk mengadakan majlis itu dengan segera.
35. Berapa orangkah yang akan menyertai pertandingan itu?
- A. 8 orang
 - B. 12 orang
 - C. 16 orang
 - D. 20 orang

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 36 - 40

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Khamis, 6 Mac 2010

6.30 pagi - Aku terjaga daripada tidur. Lena sungguh aku tidur. Sedar-sedar jarum jam dinding menunjukkan pukul 6.30 pagi. Aku mengejutkan isteriku dan seorang putera tunggal kami. Aku memberitahu isteriku bahawa sebelum Sang Suria memancarkan sinarannya ke bumi, aku harus keluar mencari rezeki. Isteriku faham akan maksudku. Entah mengapa daripada raut wajahnya yang ayu, terlihat sedikit kesuraman. Dia seperti tidak mengizinkan aku pergi mencari rezeki pada pagi itu.

6.45 pagi - Aku selamat sampai di sebuah dusun buah-buahan. Suasana masih sunyi. Titisan embun semalam pada dedaun hijau masih belum hilang. Keadaan sekeliling aman dan damai. Lega hatiku kerana aku dapat memetik buah pisang, betik, ciku, rambutan, dan jambu untuk dibawa balik buat santapan keluargaku. Tentu mereka gembira apabila melihat aku membawa balik banyak makanan.

7.30 pagi - Sang Suria mula meninggi. Pak Tani mula tiba untuk menjalankan tugas harian. Bunyi deruan motosikal dan kereta kian jelas. Suasana tidak sunyi lagi. Aku bercadang hendak pulang.

8.00 pagi - Bunyi tembakan tiba-tiba bergema di angkasa. Jantungku berdegup kencang. Di hadapanku, gugurnya mayat isteri dan puteraku ditembak pemburu. Malang tidak berbau! Tidak kusangka, pagi ini aku kehilangan dua insan yang paling aku sayangi dalam sekelip mata. Sedih, pilu, perasaanku ketika itu tidak dapat terbayangkan dek kata-kata. Apakah daya, kini aku hidup sebatang kara dan keseorangan.

36. Mengapakah 'aku' mengejutkan anak dan isterinya?
- A. Kerana 'aku' ingin mengajak mereka keluar mencari makanan
 - B. Kerana 'aku' ingin mengajak mereka bersarapan
 - C. Kerana 'aku' ingin memberitahu bahawa dia akan keluar mencari rezeki
 - D. Kerana 'aku' ingin memberitahu mereka bahawa hari sudah siang
37. Di mana tempat 'aku' mencari rezeki?
- A. Di sebuah kampung
 - B. Di sebuah dusun
 - C. Di sebuah sungai
 - D. Di kawasan penanaman padi
38. Bagaimanakah suasana di tempat 'aku' mencari makanan ketika mula-mula sampai?
- A. Bising dengan bunyi deruan motosikal dan kereta
 - B. Hujan lebat dan kilat sambar-menyambar
 - C. Sunyi dan keadaan sekeliling aman damai
 - D. Mula panas kerana matahari mula meninggi

39. Apakah sebabnya 'aku' bercadang untuk pulang ke rumah?
- A. Kerana waktu semakin gelap
 - B. Kerana matahari sudah meninggi dan suasana sudah tidak sunyi lagi
 - C. Kerana 'aku' mendengar bunyi tembakan bergema di angkasa
 - D. Kerana 'aku' terdengar isteri dan anaknya ditembak oleh musuh
40. Mengapakah jantung 'aku' berdegup kencang?
- A. Kerana 'aku' melihat pemburu sedang mengacukan senapang ke arah anak dan isterinya
 - B. Kerana 'aku' melihat mayat anak dan isteri dihadapannya
 - C. Kerana 'aku' melihat mayat pemburu yang telah ditembak oleh musuh
 - D. Kerana 'aku' mendengar bunyi motosikal dan kereta yang bising

